

**PEJABAT BURSAR
BURSAR'S OFFICE**

Rujukan Kami : UPM.BUR.100-1/6/3/B8(5)

Tarikh : 1 November 2019

PEKELILING BURSAR BIL. 2 TAHUN 2019

**Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan
Belanja Mengurus dan Pembangunan Bagi Tahun 2020**

Tujuan

1. Tujuan pekeling ini bertujuan memohon semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) yang menggunakan **Peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan** untuk tahun 2020 bagi perolehan Sebut Harga dan Tender sahaja.

Latar Belakang

2. Selaras dengan Pekeling Perbendaharaan (PP) iaitu PP/PK1.1 - Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan – Agensi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik dan dapat membantu Agensi melaksanakan perolehan dengan terancang dan teratur.

Objektif Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT)

3. Objektif penyediaan PPT adalah untuk:
- 3.1 Meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan;
 - 3.2 Memastikan perolehan Kerajaan dirancang dengan teliti dan sistematik;

- 3.3 Mekanisme untuk memantau perolehan yang dilaksanakan bagi mengelakkan kelewatan, penyelewengan, salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;
 - 3.4 Memastikan perolehan adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan;
 - 3.5 Memastikan prinsip perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir dan
 - 3.6 Mengoptimumkan prestasi perbelanjaan tahunan UPM.
4. Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk menyediakan PPT bagi peruntukan Belanja Mengurus dan Pembangunan bagi PTJ masing-masing untuk tahun 2020 selaras dengan amalan prinsip tadbir urus yang baik.

Perancangan Perolehan Tahunan Universiti


5. Semua PTJ dimohon merancang perolehan tahunan bagi perolehan yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya. PPT yang disediakan adalah untuk membantu UPM melaksanakan perolehan dengan lebih terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun serta mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan.
6. Penyediaan (PPT) diinput dalam **sistem e-Tender** yang boleh dilayari dilaman web Pejabat Bursar (www.etender.upm.edu.my) selewat-lewatnya pada **31 Disember 2019**. Adalah dimaklumkan Pejabat Bursar perlu mengemukakan PPT kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia sebelum atau pada **15 Januari 2020**.
7. Sila hubungi Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan, Pejabat Bursar di talian 03-9769 3563/6239/6219 jika terdapat sebarang pertanyaan. PTJ boleh membuat pindaan ke atas PPT yang telah dikemukakan jika perlu. Sebarang pindaan perlu dikemukakan secara bertulis dan diinput dalam sistem e-Tender. Ketua PTJ hendaklah memastikan semua aktiviti perolehan yang dirancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

8. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



(Zulkiflee Bin Othman)
Bursar

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU

